

<b>LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK</b>	<b>United Overseas Bank (Malaysia) Berhad</b>												
(Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Revolving Credit-i (Tawarruq). Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am. Dapatkan penjelasan daripada Bank sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma di dalam dokumen ini.)	<b>Produk: Revolving Credit-i (RC-i)</b>  <b>Tarikh:</b>												
<b>1. Apakah produk ini?</b>													
RC-i adalah kemudahan pembiayaan modal kerja jangka pendek Islamik untuk membiayai keperluan modal kerja perniagaan. Kemudahan ini bersifat 'revolving'.													
<b>2. Apakah konsep Syariah yang digunapakai?</b>													
<ul style="list-style-type: none"> <li>Konsep Syariah yang digunapakai adalah Tawarruq</li> <li><b>Tawarruq</b> merujuk pada konsep penjualan komoditi atau aset kepada pelanggan dengan harga tertanggung berlandaskan kontrak Murabahah atau jual beli secara untung. Di dalam situasi ini, Pelanggan membeli komoditi sebagai aset dasar dari pihak Bank. Komoditi atau aset tersebut kemudiannya dijual kepada satu pihak lain selain daripada penjual asal untuk mendapatkan tunai.</li> </ul>													
<b>3. Apakah yang boleh saya dapati daripada produk ini?</b>													
<ul style="list-style-type: none"> <li>Had Kemudahan RC-i: Seperti yang diluluskan oleh pihak Bank dan tertakluk kepada penilaian tahunan.</li> <li>Kadar Harga Jualan: Kos Kadar Pembiayaan (CFR) / atau kadar pembiayaan asas + margin/ 'spread' setiap setahun.</li> <li>Jangka Masa setiap Pengeluaran: Sehingga 1, 2, 3, 6 dan 9 bulan atau apa-apa tempoh pegangan sehingga 12 bulan yang diluluskan oleh Bank.</li> </ul>													
<b>Ilustrasi:</b>													
<table border="1"> <tr> <td>Had Kemudahan RC-i</td> <td>: RM5,000,000-00</td> </tr> <tr> <td>Harga Belian Bank (Berdasarkan Jumlah Pengeluaran)</td> <td>: RM1,000,000-00</td> </tr> <tr> <td>Kadar Keuntungan</td> <td>: CFR + 1.0% p.a (Catatan : andaikan CFR pada kadar 3.81% p.a.)</td> </tr> <tr> <td>Tempoh Penggunaan</td> <td>: 3 bulan</td> </tr> <tr> <td>Harga Jualan Bank</td> <td>: RM1,012,025-00</td> </tr> <tr> <td colspan="2">           Harga Jualan: Harga Belian + (Harga Belian X Kadar Keuntungan X Tempoh Penggunaan)         </td> </tr> </table>		Had Kemudahan RC-i	: RM5,000,000-00	Harga Belian Bank (Berdasarkan Jumlah Pengeluaran)	: RM1,000,000-00	Kadar Keuntungan	: CFR + 1.0% p.a (Catatan : andaikan CFR pada kadar 3.81% p.a.)	Tempoh Penggunaan	: 3 bulan	Harga Jualan Bank	: RM1,012,025-00	Harga Jualan: Harga Belian + (Harga Belian X Kadar Keuntungan X Tempoh Penggunaan)	
Had Kemudahan RC-i	: RM5,000,000-00												
Harga Belian Bank (Berdasarkan Jumlah Pengeluaran)	: RM1,000,000-00												
Kadar Keuntungan	: CFR + 1.0% p.a (Catatan : andaikan CFR pada kadar 3.81% p.a.)												
Tempoh Penggunaan	: 3 bulan												
Harga Jualan Bank	: RM1,012,025-00												
Harga Jualan: Harga Belian + (Harga Belian X Kadar Keuntungan X Tempoh Penggunaan)													
Catatan: Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja. Harga belian dan jualan sebenar, kadar & tempoh penggunaan akan ditentukan pada waktu penggunaan.													
<b>4. Apakah tanggungjawab saya?</b>													
Membayar Harga Jualan Bank pada tempoh matang penggunaan yang berkenaan.  Catatan: Anda perlu memastikan membuat bayaran ansuran dengan segera sehingga selesai bayaran pembiayaan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, anda juga boleh menyelesaikan bayaran penuh pembiayaan sebelum tamat tempoh pegangan.													

### 5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

<b>Yuran Pemprosesan (melibatkan perniagaan bukan-SME sahaja)</b>	Bergantung kepada jumlah pembiayaan dan seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran Bank.
<b>Yuran Penyelesaian Awal</b>	Yuran adalah berdasarkan kepada anggaran kos yang dikenakan secara pengurangan rebat.
<b>Yuran Agensi</b>	a) RM/FCY15 setiap RM/FCY1,000,000-00 b) RM/FCY3 setiap sejuta jika kurang daripada 7 hari tempoh pegangan
<b>Duti Setem</b>	Mengikut Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)
<b>Yuran Komitmen</b>	Tiada yuran komitmen untuk bahagian yang tidak digunakan.
<b>Caj Pembayaran Lewat</b>	Caj Pampasan Gantirugi: (Ta'widh):  Pada Kadar IIMM atau, apa-apa kaedah lain yang diluluskan oleh BNM.  Formula: (Jumlah Tertunggak X Kadar IIMM X Bil Hari Tertunggak)/ 365 hari  Catatan: IIMM = Islamic Interbank Money Market

Catatan:

- Sekiranya ada apa-apa perubahan pada yuran dan caj yang berkaitan dengan produk ini, kami akan menghubungi anda sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaannya.
- Sila rujuk laman web kami di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my) untuk maklumat mengenai yuran dan caj.

### 6. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Sekiranya anda gagal untuk menjelaskan tanggungjawab anda mengikut tempoh yang telah ditetapkan, perkara-perkara berikut akan dilaksanakan:

- **Caj Pampasan Gantirugi**

Kegagalan pembayaran ansuran selepas tempoh matang atau penghakiman diperolehi sebelum tarikh matang	$\frac{\text{Jumlah Tertunggak} \times \text{Kadar IIMM} \times \text{Bil Hari Tertunggak}}{365}$
	Catatan: IIMM = Islamic Interbank Money Market

Caj Pampasan Gantirugi akan mengakibatkan jumlah tertunggak keseluruhan menjadi lebih tinggi.

- **Hak Penyelesaian**

Pihak Bank berhak untuk mendebitkan akaun anda bagi tujuan menjelaskan tunggakan pembayaran dan anda akan dimaklumkan sekurang-kurangnya 7 hari sebelum akaun anda didebitkan.

- **Tindakan Undang-Undang**

Tindakan undang-undang akan dikenakan sekiranya anda gagal untuk membalas notis peringatan. Pihak Bank boleh merampas sekuriti dan semua kos tuntutan akan ditanggung oleh anda. Pihak Bank berhak untuk menjalankan proses kebangkrapan atau tindakan undang-undang lain yang bersesuaian. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan apa-apa tunggakan

setelah sekuriti dilepaskan.

**7. Bagaimana sekiranya saya membayar sepenuhnya pembiayaan sebelum tamat tempoh matang?**

- Pihak Bank akan memberikan rebat, dalam bentuk pemotongan elemen keuntungan Harga Jualan Ditanggung, sekiranya anda melakukan penyelesaian awal. Rebate hanya akan diakui setelah bukti pembayaran diberikan seperti yang ditentukan oleh Bank.

- Formula Rebate:

Rebate penyelesaian awal = Baki Belum Diperoleh – Caj Penyelesaian Awal (jika ada)

Catatan:

- I. Baki Belum Diperoleh = Jumlah Keuntungan – Keuntungan Terakru
- II. Jumlah Keuntungan = Harga Jualan – Jumlah Pembiayaan
- III. Keuntungan terakru dikira berdasarkan kepada Kadar Keuntungan Efektif diatas baki jumlah pembiayaan yang dikeluarkan

**8. Adakah saya perlu mendapatkan sebarang perlindungan takaful?**

Ya. Anda, sebagai pemegang sekuriti, akan meneruskan/mengekalkan takaful atau insurans dengan syarikat takaful atau insurans yang diterima oleh Bank untuk melindungi aset dan perniagaan daripada segala risiko yang berkenaan.

**9. Adakah saya perlu seorang penjamin atau sandaran?**

Mengikut kes demi kes berdasarkan penilaian kredit Bank, anda mungkin akan diminta untuk menyediakan penjamin atau cagaran seperti berikut :-

- (i) Harta, dan/atau
- (ii) Simpanan Tetap (FD) Islamik; dan/atau
- (iii) Peralatan; dan/atau
- (iv) Debentur Am/Khusus; dan/atau
- (v) Surat Ikatan Tugas; dan/atau
- (vi) Penjamin Bersama atau Beberapa Penjamin; dan/atau
- (vii) Penjamin Korporat; dan/atau
- (viii) Lain-lain cagaran yang diminta oleh Bank.

**10. Apakah risiko-risiko utama?**

- Ini adalah pembiayaan jangka pendek. Sekiranya anda gagal membuat pembayaran, pihak Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang.

**11. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya ada perubahan pada butiran perhubungan?**

- Sila maklumkan kepada kami sebarang perubahan pada butiran perhubungan anda di cawangan UOB yang berdekatan atau hubungi Pengurus Perhubungan UOB anda.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada butiran perhubungan bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**12. Di mana boleh saya mendapatkan bantuan dan pertolongan?**

- Sekiranya anda menghadapi masalah untuk membuat pembayaran, anda harus menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan cara pembayaran alternatif.
- Jika anda ingin membuat aduan terhadap produk dan perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di Pusat Panggilan 24 jam UOB berikut :

Kuala Lumpur	+6 03-26128 121
Penang	+6 04-2401 121
Johor Bahru	+6 07-2881 121
Kuching	+6 082-287 121

Kota Kinabalu	+6 088-477 121
---------------	----------------

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di :

Blok D, Bank Negara Malaysia  
 Jalan Dato' Onn  
 50480 Kuala Lumpur  
 Tel: 1-300-88-5465  
 Fax: 03-21741515  
 Email: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**13. Di mana boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

- Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk kami, sila lawati cawangan OUB yang berhampiran atau log ke [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my) untuk maklumat lanjut.
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila telefon Pusat Panggilan 24 jam UOB di :

Kuala Lumpur	+6 03-26128 121
Penang	+6 04-2401 121
Johor Bahru	+6 07-2881 121
Kuching	+6 082-287 121
Kota Kinabalu	+6 088-477 121

**14. Lain-lain pakej pembiayaan yang ada disediakan**

Kami juga menyediakan pembiayaan berjangka dan kemudahan perdagangan. Sila hubungi Pengurus Perhubungan anda untuk maklumat selanjutnya.

**CATATAN PENTING:  
 TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA  
 SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN KE ATAS KEMUDAHAN  
 YANG DIGUNAKAN DENGAN BERTERUSAN.**

Maklumat yang disediakan di dalam lembaran maklumat ini sah pada.....

Terma dan Syarat yang ditunjukkan di dalam Lembaran Maklumat Produk ini hanyalah sebagai petunjuk dan Bank tidak terikat dengannya. Terma dan syarat muktamad adalah seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Kemudahan selepas penilaian Bank dan kelulusan pembiayaan.

Saya / Kami dengan ini mengaku bahawa Pelanggan telah diberikan penerangan tentang Lembaran Maklumat Produk (PDS).

Saya / Kami dengan ini mengaku telah menerima dan faham penerangan yang telah diberikan.

.....  
 Nama Kakitangan Jualan:

No K/P:

Tarikh:

.....  
 Orang Yang Diberi Kuasa:

No K/P:

Tarikh: